

30/09/1998

Sanusi jawab surat minta penjelasan

ALOR STAR, Selasa - Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid sedia menjawab surat daripada sesiapa yang inginkan penjelasan berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Sanusi berkata, sebagai ahli Majlis Tertinggi dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah, penjelasan berkenaan penting bagi memastikan rakyat Kedah khususnya mendapatkan maklumat tepat mengenai pemecatan Anwar.

Surat berkenaan boleh dialamatkan kepada Pengurus Media dan Komunikasinya, Aziz Desa di Pejabat Rakan Kedah, Jalan Sultanah, di sini.

"Saya tak ada masalah menjawab kemusykilan dia (penulis surat) dan kalau soalan yang sama, saya akan membuat salinan jawapan.

"Jika dalam surat mereka bercampur antara emosi dengan kemusykilan, saya ketepikan emosi dan hanya jawab perkara yang ingin diberikan penjelasan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat perhubungan Umno Kedah, di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata, media asing yang memberikan laporan negatif mengenai negara berikutan pemecatan Anwar bukan bertujuan memberikan keadilan kepada Anwar, sebaliknya ingin menjatuhkan Perdana Menteri.

Ini disebabkan ada pihak Barat yang membenci Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana kejayaan pembangunan di negara ini, selain mengawal ekonomi negara daripada muflis sejak kegawatan ekonomi negara, Julai tahun lalu.

Sanusi berkata, media asing berpura-pura memberikan liputan yang didakwa mereka sebagai adil kepada Anwar dengan tujuan meraih sokongan daripada penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu, untuk menjatuhkan Dr Mahathir.

"Masyarakat Barat tidak kesal dengan hubungan sulit antara Bill Clinton dengan Monica Lewinsky tetapi mereka lebih kesal kerana Clinton berbohong.

"Media Barat perlu selidik, janganlah tindakan Malaysia mengawal ekonominya daripada lumpuh, dijadikan isu untuk membela Anwar.

"Untuk mendapatkan sokongan, media asing seolah-olah membela Anwar tetapi niat sebenar mereka adalah kerana mereka membenci Dr Mahathir," katanya.

Sanusi berkata, hal yang sama dipraktikkan oleh parti pembangkang dan beberapa pertubuhan bukan kerajaan yang bertindak seolah-olah menyokong Anwar sambil menyembunyikan hasrat sebenar mereka ingin mendapatkan sokongan daripada penyokong Anwar.

"Orang yang marah ada dua jenis iaitu yang termakan fitnah tetapi lupa mereka sebelum ini tak pernah tolong Anwar... kalau sayangkan Anwar, berdoalah minta tunjukkan keadilan, bukannya mengadakan demonstrasi.

"Yang kedua ialah orang yang marah sebab memang kerja dia, khususnya pembangkang. Kalau mereka tak marah, nampak macam mereka ini tak buat kerja," katanya.

(END)